



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

***KEWUJUDAN FALSAFAH PENDIDIKAN
KESUSASTERAAN MELAYU DALAM NOVEL
KESUSASTERAAN MELAYU TINGKATAN 4 DAN 5***

MUHAMMAD ZARIF HASSAN@ZULKIFLI

FPP 2013 68



**KEWUJUDAN FALSAFAH PENDIDIKAN
KESUSASTERAAN MELAYU DALAM NOVEL
KESUSASTERAAN MELAYU TINGKATAN 4 DAN 5**

MUHAMMAD ZARIF HASSAN@ZULKIFLI

**MASTER SAINS
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA
2013**



**KEWUJUDAN FALSAFAH PENDIDIKAN KESUSASTERAAN MELAYU
DALAM NOVEL KESUSASTERAAN MELAYU TINGKATAN 4 DAN 5**

Oleh

MUHAMMAD ZARIF HASSAN@ZULKIFLI


**Tesis Ini Dikemukakan Kepada Sekolah Pengajian Siswazah Universiti Putra
Malaysia Sebagai Memenuhi Keperluan Untuk Ijazah Master Sains**

November 2013

HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk teks tanpa had, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia





Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia
sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sains

**KEWUJUDAN FALSAFAH PENDIDIKAN KESUSASTERAAN MELAYU
DALAM NOVEL KESUSASTERAAN MELAYU TINGKATAN 4 DAN 5**

Oleh

MUHAMMAD ZARIF HASSAN@ZULKIFLI

November 2013

Pengerusi : Roselan Baki, PhD

Fakulti : Pengajian Pendidikan

Kajian ini dilaksanakan bertujuan untuk meneliti kewujudan Falsafah Pendidikan Kesusasteraan Melayu (FPKM) dalam novel mata pelajaran Kesusasteraan Melayu Tingkatan 4 dan 5 (KM). Penelitian dan penghuraian terhadap tiga konsep asas FPKM merangkumi konsep menjana minda, rohani dan emosi dilaksanakan sebagai asas deduksi penyelidikan ini. Pendekatan analisis kandungan kualitatif telah dipilih sebagai kerangka panduan dalam menyempurnakan kajian ini. Selain itu, teknik analisis dokumen menjadi teknik yang khusus digunakan dalam proses pengumpulan data kajian. Proses penganalisan data kajian dilakukan semasa dan selepas penyelidikan melalui beberapa aspek yang merangkumi soal pembinaan jadual, bacaan rapi (*close reading*) serta penyaringan dan pengekodan untuk membina rumusan kajian. Kesahan dan kebolehpercayaan data kajian dilakukan dengan menentukan ketepatan rujukan, ketekunan pengamatan, deskripsi rinci (*thick description*) dan pemeriksaan rakan sekerja (*peer examinations*). Dapatan kajian menunjukkan bahawa ketiga-tiga konsep asas FPKM iaitu menjana minda, rohani dan emosi wujud dalam kandungan kedua-dua novel mata pelajaran KM. Kewujudan ketiga-tiga konsep tersebut dipaparkan melalui aspek keperibadian, tingkah laku, sikap, pendirian, nilai serta perwatakan yang tergambar melalui beberapa watak dalam kedua-dua buah novel. Hal ini menunjukkan bahawa maklumat yang menepati dengan ketiga-tiga konsep asas tersebut selari dan memperkukuhkan matlamat serta hasrat pernyataan FPKM. Namun begitu, dapatan kajian memperlihatkan bahawa ketiga-tiga konsep asas FPKM wujud secara dominan hanya melalui watak yang khusus dalam setiap novel. Ini menunjukkan bahawa ketiga-tiga konsep asas FPKM tersebut wujud tidak secara menyeluruh bagi watak yang lain. Sementara itu, kewujudan konsep menjana minda lebih ditekankan dalam kedua-dua novel berbanding konsep rohani dan emosi. Berdasarkan hasil dapatan kajian ini, penyelidik mencadangkan supaya penyelidikan yang khusus berkaitan pernyataan FPKM

dilaksanakan agar pernyataan tersebut dapat ditakrif dan ditafsir secara benar, betul dan jelas bagi membolehkan kefahaman terhadapnya dapat difahami secara menyeluruh dalam kurikulum KM. Memandangkan pernyataan FPKM menjadi asas panduan dan matlamat dalam mata pelajaran KM, penyelidik juga mencadangkan agar konsep-konsep asas FPKM dijadikan sebagai salah satu kriteria penting dalam proses pemilihan buku teks bagi mata pelajaran KM bagi mewujudkan kesejajaran isi kandungan mata pelajaran dengan matlamat pendidikan KM.



Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in
fulfilment of the requirement for the degree of Master of Science

**THE EXISTENCE OF MALAY LITERATURE EDUCATIONAL PHILOSOPHY
IN FORM 4 AND FORM 5 MALAY LITERATURE NOVELS**

By

MUHAMMAD ZARIF HASSAN@ZULKIFLI

November 2013

Chairman : Roselan Baki, PhD

Faculty : Educational Studies

This study was conducted in order to examine the existence of the Philosophy of Malay Literature education within the Malay Literature subject through analysing the form 4 and form 5 novels. Examination and interpretations concerning several of Malay Literature Educational Philosophy basic concept such as intellectual enquiring, spirituality and emotion was done as basis deduction in conducting this research. In regard, qualitative content analysis approach was selected as the framework guidance in accomplishing this study. Specifically, document analysis technique was employed throughout the process of data collection. The process was done systematically through several aspects which were table construction, close reading, screening, and coding. Moreover, in order to increase the validity and reliability of data, several techniques were employed such as, determining the accuracy of references, perseverance in observation, thick description, and peer examinations. Findings of this study suggested that, in overall the three main concepts, of which intellectual enquiring, spirituality and emotion were present in both Malay Literature novels for form 4 and form 5. The existence of the three concepts were portrayed by several characters within the novels based on several prevailing attributes, which were personality, behaviour, attitude, personal stance, and values. Since the prevailing attributes of several roles in both novels were inclined to the three main concepts stipulated within the philosophy of Malay Literature education, it was concluded that the philosophy of Malay Literature education did exist in Malay Literature subject matter. However, findings also suggested that, the prevailing attributes were only portrayed by specific characters for both novels. This showed that, the main concepts within the philosophy of Malay Literature education were not present in all characters for both novels. Moreover, the concept of intellectual enquiring was given the emphasis more than the concepts of spirituality and emotion in both novels. Based on the findings of this study, the researcher recommended a specific study should be carried out to

further understand and accurately translate the philosophy of Malay Literature education in order to ensure a better execution of Malay Literature curriculum in schools. Furthermore, since the philosophy of Malay Literature education is regarded as the foundation of Malay Literature subject matter, the researcher also recommended that the main concepts stipulated within the philosophy should be the main criteria for selecting the appropriate text book for Malay Literature subject matter. The last recommendation was vital in making sure the coherency between content and goals of the Malay Literature education.



PENGHARGAAN

Pertamanya, saya memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana atas segala rahmat-Nya dan izin-Nya, penyelidikan dan penulisan tesis ini dapat diselesaikan. Saya ingin merakamkan jutaan terima kasih dan penghargaan buat penyelia saya, Dr. Roselan Baki di atas bimbingan, teguran dan nasihat secara ikhlas serta sokongan moral sepanjang saya menyelesaikan penyelidikan ini. Di samping itu, terima kasih saya ucapkan kepada Dr. Naffi Mat, Dr. Fadzilah Abd. Rahman, dan Dr. Shamsudin Othman yang banyak membantu serta memberikan sokongan moral dalam saya melunasi tanggungjawab ini. Tidak lupa juga buat kepada Prof. Madya. Dr. Mohd. Zariat Abd. Rani yang sudi meladeni segala pertanyaan saya dan banyak membantu dalam memperkukuhkan kerangka kefahaman saya dalam usaha untuk melaksanakan kajian ini.

Saya juga ingin merakamkan rasa penghargaan terhadap Kementerian Pengajian Tinggi, Malaysia atas pembiayaan biasiswa untuk melengkapkan pengajian ini dan Universiti Putra Malaysia diatas kepercayaan yang telah diberikan kepada saya. Begitu juga kepada pihak Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia yang telah memberikan saya ruang untuk menghadiri beberapa siri kuliah berkala serta beberapa seminar bagi mengukuhkan lagi kefahaman berkaitan disiplin yang saya usahakan.

Ucapan terima kasih saya rakamkan juga kepada rakan seperjuangan ilmiah terutamanya rakan-rakan seperjuangan tutor di Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia atas perkongsian pandangan, pendapat, bahan ilmiah serta bantuan dari pelbagai aspek yang memungkinkan saya memperolehi manfaat atas kebaikan budi mereka semua.

Sementara itu, rasa terima kasih yang tidak terhingga kepada isteri tercinta, Nur Athirah Abd. Rahim yang telah banyak berkorban dan sentiasa berdoa dan memberikan sokongan yang tiada terhingga banyaknya dalam menyediakan ruang untuk saya menyiapkan penulisan ini. Pada seluruh kesetiaan dan kasih sayangnya yang dicurahkanlah, saya terhutang budi. Juga kepada anakanda tercinta Muhammad Harith yang padanya saya terhutang pada banyak perkara khususnya masa dan perhatian. Semoga Allah S.W.T memelihara dan merahmati mereka pada setiap masa dan keadaan.

Akhir sekali, saya ingin merakamkan terima kasih serta kesyukuran yang tinggi terhadap kedua-dua ibu bapa saya iaitu Hassan@Zulkifli Abd. Majid dan Arpah Hj. Atan, yang begitu setia dan senantiasa berkorban atas pelbagai perkara

serta tidak pernah berhenti berdoa agar saya dapat menyelesaikan penulisan tesis ini. Ucapan yang sama saya majukan kepada keseluruhan ahli keluarga saya tidak pernah putus memberikan sokongan yang padu sepanjang saya menyelesaikan penyelidikan ini. Semoga Allah S.W.T senantiasa merahmati mereka di dunia dan di akhirat kelak.



Saya mengesahkan bahawa satu Jawatankuasa Peperiksaan Tesis telah berjumpa pada 6 November 2013 untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi Muhammad Zarif Bin Hassan@Zulkifli bagi menilai tesis beliau yang bertajuk "Kewujudan Falsafah Pendidikan Kesusasteraan Melayu Dalam Novel Kesusasteraan Melayu Tingkatan 4 dan 5" mengikut Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan Perlembagaan Universiti Putra Malaysia [P.U.(A) 106] 15 Mac 1998. Jawatankuasa tersebut telah memperakukan bahawa calon ini layak dianugerahi Ijazah Master Sains.

Ahli Jawatankuasa Peperiksaan Tesis adalah seperti berikut :

Shafee bin Mohd. Daud, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Arba'ie bin Sujud, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pemeriksa Dalaman)

Habsah binti Ismail, PhD

Profesor Madya
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Pemeriksa Dalaman)

Zamri bin Mahamod, PhD

Profesor Madya
Fakulti Pendidikan
Universiti Kebangsaan Malaysia
(Pemeriksa Luar)



NORITAH OMAR, PhD

Profesor Madya dan Timbalan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh : 21 Januari 2014

Tesis ini dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk Ijazah Master Sains.

Ahli Jawatankuasa Penyeliaan Tesis adalah seperti berikut :

Roselan Baki, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Fadzilah Abd. Rahman, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

BUJANG BIN KIM HUAT, PhD

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Univeristi Putra Malaysia


Tarikh : 13 Februari 2014

PERAKUAN

Saya memperakui bahawa tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli melainkan petikan dan sedutan yang tiap-tiap satunya telah dijelaskan sumbernya. Saya juga memperakui bahawa tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain.

MUHAMMAD ZARIF HASSAN@ZULKIFLI

Tarikh : 6 November 2013



JADUAL KANDUNGAN

	Halaman
ABSTRAK	iii
ABSTRACT	v
PENGHARGAAN	vii
PENGESAHAN	ix
PERAKUAN	xi
SENARAI JADUAL	xv
SENARAI RAJAH	xvi
SENARAI SINGKATAN	xvii
SENARAI LAMPIRAN	xviii
BAB	
I PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang	2
1.2.1 Kewujudan Falsafah Pendidikan Kesusasteraan Melayu dalam Mata Pelajaran Kesusasteraan Melayu Tingkatan 4 dan 5	3
1.2.2 Pertukaran Teks Novel Mata Pelajaran Kesusasteraan Melayu Tingkatan 4 dan 5	5
1.3 Pernyataan Masalah	7
1.4 Persoalan Kajian	9
1.5 Objektif Kajian	9
1.6 Skop dan Batasan Kajian	9
1.7 Kepentingan Kajian	11
1.8 Definisi Operasional	13
1.9 Rumusan	14
II SOROTAN LITERATUR	
2.1 Pengenalan	15
2.2 Falsafah Pendidikan Kebangsaan	15
2.2.1 Paksi Falsafah Pendidikan Kebangsaan	16
2.2.2 Hubungan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dengan Kurikulum Kesusasteraan Melayu	19
2.3 Falsafah Pendidikan Kesusasteraan Melayu	21
2.3.1 Konsep Menjana Minda	22
2.3.1.1 Sikap Berusaha Mencari dan Mempertingkatkan Ilmu	23
2.3.2.2 Daya Pemikiran Logik, Kreatif dan Inovatif	24
2.3.2.3 Usaha Memanfaatkan Ilmu untuk Diri, Orang Lain dan Masyarakat	26

2.3.2	Konsep Rohani	28
2.3.2.1	Menyedari dan Menginsafi Hakikat Pencipta	28
2.3.2.2	Menghargai dan Mensyukuri Pemberian Pencipta	30
2.3.2.3	Menyedari dan Menginsafi Tanggungjawab	31
2.3.3	Konsep Emosi	33
2.3.3.1	Perasaan Tenang dan Tingkah Laku Terkawal	33
2.3.3.2	Memiliki dan Memupuk Sikap Kasih Sayang	34
2.3.3.3	Memiliki Semangat Kekitaan dan Perpaduan	35
2.4	Novel Sebagai Bahan Pendidikan Kesusasteraan Melayu	37
2.4.1	Kepentingan Novel dalam Pendidikan Kesusasteraan Melayu	37
2.4.2	Hubungan Novel dengan Falsafah Pendidikan dan Sukatan Pelajaran	40
2.4.3	Hubungan Novel dengan Guru dan Pelajar	42
2.4.4	Novel Pendidikan Kesusasteraan Melayu Berkualiti	44
2.5	Pendekatan Formalistik	47
2.5.1	Penelitian Terhadap Struktur Penceritaan	49
2.5.2	Kepentingan Komponen Perwatakan dalam Novel	52
2.5.3	Teknik Bacaan Rapi	53
2.6	Kerangka Konseptual Kajian	53
2.7	Rumusan	54

III METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	55
3.2	Reka Bentuk Kajian	55
3.2.1	Rasional Pemilihan Kaedah Kajian	57
3.3	Penentuan dan Pemilihan Bahan	59
3.4	Prosedur Perlaksanaan Penyelidikan	60
3.4.1	Peringkat Persediaan	60
3.4.1.1	Pembinaan Kod Analisis	60
3.4.1.2	Organisasi Kod	61
3.4.2	Peringkat Perlaksanaan	63
3.4.2.1	Kaedah Pengumpulan Data	63
3.4.2.2	Kaedah Penganalisan Data	64
3.5	Kesahan dan Kebolehpercayaan Dapatan Kajian	68
3.5.1	Penentuan Ketepatan Rujukan	68
3.5.2	Ketekunan Pengamatan	69
3.5.3	Deskripsi Rinci (<i>Thick Description</i>)	69
3.5.4	Pemeriksaan Rakan Sekerja (<i>Peer Examination</i>)	69
3.6	Rumusan	70

IV	DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN	
4.1	Pengenalan	71
4.2	Konsep Falsafah Pendidikan Kesusasteraan Melayu dalam Novel Kesusasteraan Melayu Kesusasteraan Melayu Tingkatan 4 dan 5	71
4.2.1	Konsep Menjana Minda	72
4.2.1.1	Sikap Berusaha Mencari dan Mempertingkatkan Ilmu Pengetahuan	73
4.2.1.2	Daya Pemikiran Logik, Kreatif dan Inovatif	76
4.2.1.3	Usaha Memanfaatkan Ilmu untuk Diri, Orang Lain dan Masyarakat	79
4.2.2	Konsep Rohani	81
4.2.2.1	Menyedari dan Menginsafi Hakikat Pencipta	82
4.2.2.2	Menghargai dan Mensyukuri Pemberian Pencipta	84
4.2.2.3	Menyedari dan Menginsafi Tanggungjawab	86
4.2.3	Konsep Emosi	89
4.2.3.1	Perasaan Tenang dan Tingkah Laku Terkawal	90
4.2.3.2	Memiliki dan Memupuk Sikap Kasih Sayang	92
4.2.3.3	Memiliki Semangat Kekitaan dan Perpaduan	94
4.3	Rumusan	96
V	RINGKASAN, KESIMPULAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN	
5.1	Pengenalan	97
5.2	Ringkasan Kajian	97
5.3	Implikasi Kajian	98
5.4	Kesimpulan	101
5.5	Cadangan Kajian Masa Depan	102
	RUJUKAN	104
	LAMPIRAN	123
	BIODATA PELAJAR	142